

## PKU PTj Pertama Menerima Sijil Penghargaan Kelestarian Kewangan

Oleh: Dr. Arnie binti A. Rahim & Tengku Nuriah binti Tengku Abdul Rahman

Sempena majlis penyerahan Proforma Perjanjian Belanja Mengurus Tahun 2023 dan Dana Khas Tahun 2023, Pusat Kesihatan Universiti (PKU) telah diumumkan sebagai pusat tanggungjawab (PTj) pertama yang menggunakan dana tabung amanah PTj sepenuhnya dalam perbelanjaan mengurus tahun 2023. Inisiatif ini membolehkan PKU menerima Sijil Penghargaan Kelestarian Kewangan yang disampaikan oleh Profesor Dato' Dr. Mazlan Abd. Ghaffar, Naib Canselor UMT di Dewan Senat, Bangunan Canselori.

Melalui pengiktirafan ini PKU telah diberi mandat menggunakan akaun amanah hasil penjanaan pendapatan bagi menampung perbelanjaan mengurus tahun 2023 seterusnya membantu mengurangkan penggunaan sumber dalaman universiti sejajar dengan Pekeliling Bendahari Bilangan 1 Tahun 2023 mengenai Bajet 2023 dan Inisiatif Belanja Berhemah UMT.



Melalui inisiatif ini, PKU beriltizam untuk meningkatkan penjanaan pendapatan universiti melalui perkhidmatan rawatan dan perubatan yang disediakan. Selain itu, PKU juga sentiasa memantau sebarang bentuk perolehan dan perbelanjaan yang dibuat supaya tidak melebihi peruntukan yang telah diberikan mengikut agihan jumlah proforma yang diterima.

Sesungguhnya penghargaan ini telah memberi suntikan semangat kepada warga PKU untuk terus mengekalkan momentum dan berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan pada tahap yang terbaik demi menyokong visi dan misi universiti.